

**PERSEMBAHAN UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN KE-11 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SESI PERTAMA
PADA HARI SABTU, 19 NOVEMBER 2016, PUKUL 8:30 PAGI
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI DIRAJA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Menghadap:

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang

Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah

al-Musta'in Billah,

Tuanku Canselor;

Menghadap:

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang

Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah

binti al-Marhum Sultan Iskandar al-Haj;

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sembah patik mohon diampun.

SERU BUKAAN

1. Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik merafak sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku atas limpah perkenan berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-11 Universiti Malaysia Pahang pada pagi yang bersejarah lagi barakah ini.

2. Patik juga ingin menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Automotif) kepada Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid Salleh dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mekatronik) kepada Profesor Dr. Karl-Heinz-Meisel sebentar tadi.
3. Berkat naungan Kebawah Duli Tuanku dan kepedulian pihak Lembaga Pengarah Universiti, patik dan warga pengurusan Universiti ini berikrar untuk terus memberikan fokus yang serius dan khidmat yang terbaik ke arah aspirasi menjadikan UMP sebuah universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2020.
4. Kini, perhatian khusus sedang diberikan terhadap pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang didasari lima Lonjakan Strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Kemampanan Sosioekonomi dan Persekitaran serta Keunggulan Jenama.

5. Justeru, persembahkan ucapan patik pada pagi ini akan merujuk secara ringkas, perkembangan, pencapaian dan kemajuan semasa UMP dalam pelbagai lapangan sepanjang tahun 2016.

MAKLUMAN AM MAJLIS KONVOKESYEN KE-11

5. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun;

Sehingga kini UMP telah menghasilkan seramai 16,725 orang graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian.

6. Untuk Majlis Konvokesyen Ke-11 ini, seramai 2,465 orang graduan bakal menerima ijazah dan diploma masing-masing. Daripada jumlah tersebut, seramai 43 orang merupakan graduan Doktor Falsafah, 144 orang graduan Sarjana, 54 graduan Sarjana Eksekutif, 1,615 orang graduan Sarjana Muda dan 321 orang graduan Diploma.

7. Peningkatan bilangan graduan pascasiswazah ialah antara pencapaian signifikan pada tahun ini. Bilangan 43 graduan Doktor Falsafah pada tahun ini merupakan peningkatan 4% berbanding 39 orang pada tahun 2015. Manakala jumlah graduan ijazah Sarjana pula telah mencatatkan peningkatan sebanyak 36% kepada 144 berbanding 106 orang pada tahun 2015.
8. Melangkah ke hadapan, UMP telah memeterai persefahaman dengan Dewan Perlombongan Malaysia (MCOM) pada 10 November 2016 yang lalu bagi tujuan kerjasama penawaran program Sarjana Sains Perlombongan (Teknologi Mineral) di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli mulai tahun 2017.
9. Selain itu, usahasama akademik yang sedia terjalin antara UMP dengan rakan strategiknya dari negara Jerman iaitu Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) akan diperluaskan ke peringkat dwijazah Sarjana.

10. Di samping itu, UMP terus komited untuk mengekalkan kualiti yang tinggi dalam aspek pengambilan mahasiswa baharu bagi peringkat Sarjana Muda dan Diploma.
11. Sebagai langkah strategik bagi meningkatkan daya saing graduan, pada tahun 2016 ini juga , UMP telah menubuhkan Pusat Penempatan & Pembangunan Kerjaya (CPDC). Hasil usaha jitu antara CPDC dan fakulti-fakulti, sukacita patik melaporkan bahawa sehingga hari ini, UMP telah mencapai kebolehpasaran graduan sebanyak 82% iaitu melebihi KPI yang telah ditetapkan oleh kerajaan.
12. Sukacita patik menyembah maklum bahawa bagi Sesi Kemasukan 2016/2017, UMP telah mencatatkan pencapaian signifikan dalam konteks pengambilan mahasiswa baharu yang memiliki pencapaian yang cemerlang. 17% daripada jumlah keseluruhan 2,089 mahasiswa yang mendaftar merupakan calon cemerlang yang mencapai aras PNGK 3.5 di peringkat Matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau setaraf.

13. Dalam konteks yang sama juga, UMP kini berada pada landasan yang tepat dalam memenuhi sasaran pengambilan pelajar dengan 60% TVET dan 40% Kejuruteraan sebagaimana hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk meningkatkan peratus enrolmen pelajar bagi program TVET.

14. Selaras dengan matlamat untuk melahirkan graduan holistik yang berkualiti dalam kerangka penilaian baharu iaitu Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegritas (iCGPA), UMP menjadi universiti pertama di Malaysia yang memperkenalkan Program Pengukuhan Kemahiran Insaniah yang dinamakan iLEAD yang dilaksanakan secara berstruktur untuk memperkasa ketrampilan mahasiswa sebelum mereka menamatkan pengajian.

15. Di samping itu, kepentingan penguasaan Bahasa Mandarin sebagai antara bahasa utama dunia dalam kalangan mahasiswa sebagai tambahan kepada Bahasa Inggeris turut mendapat perhatian strategik pihak pengurusan UMP, apatah lagi dengan peningkatan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.

16. Dalam konteks tersebut, UMP mencatat sejarah apabila menjadi universiti pertama di Malaysia yang menerima tajaan biasiswa Konfusian untuk tiga mahasiswa Universiti ini mengikuti Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas di Universiti Tianjin, China. Pencapaian tersebut amatlah signifikan kerana inilah julung-julung kalinya warganegara Malaysia menerima tajaan biasiswa Konfusian bagi program ini.

17. Usaha pengantarabangsaan melalui Program Pertukaran Pelajar Berkredit keluar negara telah memberi manfaat kepada 44 mahasiswa sepanjang tahun 2016 dengan tajaan pelbagai institusi dan agensi antarabangsa. Ini termasuklah program *Mevlana* tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi Turki, *Kansai Short Term Mobility* tajaan Japan Student Service Organization (JASSO) dan program *Erasmus* di Padova University, Itali tajaan Suruhanjaya Eropah.

18. Dengan inisiatif-inisiatif yang dijalankan ini, UMP komited untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduannya kepada 80% pada tahun 2016 berbanding 67% pada tahun 2015. Usaha ke arah pencapaian kadar kebolehpasaran tersebut sedang dipergiatkan melalui penglibatan lebih 40 industri dalam inisiatif *Structured Internship Programme* (SIP) dan *Post-Baccalaureate Certificate* (PBC).

19. Komitmen UMP untuk membina jaringan konstruktif dengan pihak industri yang memberi pulangan manfaat secara strategik telah menerima pengiktirafan di peringkat kebangsaan apabila dinobatkan sebagai pemenang *Best Academia-Industry Collaboration Award 2016* semasa *100 Leading Graduate Employers Awards Night 2016* di Kuala Lumpur pada 4 November 2016 yang lalu.

MAKLUMAT GERAN PENYELIDIKAN

DAN AKTIVITI PERUNDINGAN

20. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun;

UMP terus mengukuhkan pencapaian dalam bidang penyelidikan dengan kejayaannya memperoleh penarafan 4 bintang dalam Malaysia Research Assessment (MyRA) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi tahun 2015 berbanding 3 bintang pada tahun 2014.

21. Dengan nilai keseluruhan geran aktif UMP dan geran awam sehingga bulan Oktober 2016 berjumlah RM 76.16 juta dan ini merupakan peningkatan sebanyak 21% berbanding RM 62.93 juta pada tahun 2015.

22. Lebih membanggakan, UMP juga telah berjaya meningkatkan pembiayaan projek penyelidikan daripada geran antarabangsa dengan begitu signifikan iaitu sebanyak 265% kepada RM 425, 755.34 pada tahun 2016 daripada RM 115,984.54 pada tahun sebelumnya. Sehingga bulan September 2016 juga, UMP telah berjaya menerima pembiayaan geran industri dan penyelidikan kontrak berjumlah RM 20.68 juta.

23. Di samping geran-geran tersebut, UMP turut aktif mengendalikan projek perundingan dan khidmat teknikal kepada pihak luar yang memerlukan. Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak RM 3.62 juta telah berjaya dijana daripada aktiviti perundingan dan khidmat teknikal tersebut yang digerakkan oleh pelbagai Fakulti, Pusat Kecemerlangan dan Pusat Penyelidikan serta UMP Holdings Sdn Bhd. Ini merupakan peningkatan sebanyak 48% berbanding RM 2.43 juta pada tahun 2016.

MAKLUMAT PENGKOMERSIALAN

24. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun,

Selaras dengan slogan 'Memasyarakatkan Teknologi' yang mendasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020, maka tumpuan serius turut diberikan oleh para penyelidik UMP untuk menghasilkan inovasi berimpak tinggi yang berpotensi dikomersialkan untuk manfaat masyarakat.

25. Kini, UMP sedang mengusahakan pengkomersialan untuk sembilan inovasi produk hasil penyelidikan iaitu Phytogreen, Pestkilla, DialClean, Keratin bulu ayam, Inulin sisa pertanian, serum rambut Glamequinn, *Natural Antimicrobial Agent*, *Natural Cracked Feet and Nail Repair Cream* dan perisian tulisan Jawi *AsarFont*.
26. Melalui syarikat terbitannya iaitu UMP Ecopest Sdn Bhd, Universiti ini buat julung-julung kalinya menerima dana CRDF1 dari Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) untuk mengkomersialkan produk kawalan anai-anai dibangunkan yang dinamakan "Pisoptera". Di samping geran pengkomersialan, UMP Ecopest Sdn Bhd turut memperoleh manfaat dari khidmat nilai tambah dalam pengembangan perniagaan oleh MTDC.

27. UMP juga telah memeterai persefahaman dengan Eco 24 Co. Ltd yang berpangkalan di Tokyo, Jepun. Kerjasama ini memfokuskan kepada pembangunan teknologi “coating” mesra alam untuk kegunaan tempatan. UMP menjadi pilihan syarikat tersebut sebagai rakan penyelidikan dan pembangunan strategik dalam kerangka pengembangan perniagaannya di rantau Asia Tenggara.
28. Selain itu, UMP turut memeterai persefahaman dengan Micromidas Inc. (Micromidas) yang berpangkalan di Sacramento, California, Amerika Syarikat bagi kerjasama pembangunan dan pengkomersialan teknologi penghasilan bahan bioplastik dari sisa pemprosesan kelapa sawit (Palm Oil Mill Effluent – POME) yang dinamakan *polyhydroxyalkanoate* (PHA). Bagi menjayakan kerjasama dengan Micromidas ini, UMP telah meneroka potensi kerjasama dengan LKPP Corporation Sdn Bhd (LCSB) sebagai pembekal POME dan penyedia tapak projek.

MAKLUMAT PENERBITAN DAN HARTA INTELEK

29. Dari segi penerbitan ilmiah pula, sukacita patik menyembah maklum ke sisi Tuanku bahawa *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering* (IJAME) terbitan UMP terus mengekalkan kedudukannya sebagai jurnal nombor satu di Asia dan 10 peratus teratas di dunia menurut pangkalan data saintifik terkemuka iaitu SCOPUS dan *Elsevier Bibliographic Database* (EBD).

30. Lebih membanggakan, IJAME merupakan satu-satunya jurnal pelbagai disiplin yang berimpak tinggi bagi kategori Kejuruteraan Automotif dengan kedudukan 6% teratas di dunia dan Kejuruteraan Mekanikal dengan kedudukan 8% teratas di dunia.

31. Selain itu, *Journal of Mechanical Engineering and Sciences* (JMES) dan *International Journal Automotive Engineering* (IJAME) terbitan UMP juga telah diberikan taraf CREAM oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 1 November 2016 yang lalu berdasarkan prestasi cemerlangnya di peringkat antarabangsa. JMES, yang telah diindeks dalam SCOPUS pada tahun 2015 kini berkedudukan 10% teratas di dunia bagi kategori Kejuruteraan Tenaga dan Teknologi Bahan Api dan 12% teratas dalam kategori Kejuruteraan Industri dan Pembuatan. Sukacita juga patik menyembah maklum bahawa daripada lima jurnal terbitan Universiti Awam yang diberi taraf CREAM Kementerian Pendidikan Tinggi, dua daripada jurnal tersebut diterbitkan UMP iaitu IJAME dan JMES.

32. Dari sudut harta intelek pula, sehingga tahun 2016, UMP mencatatkan jumlah kumulatif 404 harta intelek telah difailkan oleh UMP di dalam negara dan sembilan darinya telah difailkan di luar negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 20 permohonan paten menerima status *patent granted*. Lebih membanggakan, lima daripadanya mendapat status *patent granted* dari Amerika Syarikat. Bagi tahun 2016, sebanyak 62 harta intelek baharu UMP yang meliputi paten, hakcipta, *utility invention* dan cap dagangan UMP telah dilindungi.

PENCAPAIAN PENYELIDIK UMP

33. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun;

Para penyelidik terus cemerlang dalam pelbagai pameran dan pertandingan dalam dan luar negara pada tahun ini. Sehingga bulan Oktober 2016, seramai 97 penyelidik berjaya mencatatkan pencapaian cemerlang dengan 28 pingat emas, 16 perak, sembilan gangsa dan lima anugerah khas.

34. Di peringkat antarabangsa, penyertaan UMP dalam *The International Trade Fair – Idea – Inventions – New Products* (IENA 2016) di Nuremberg, Jerman pada 27 hingga 30 Oktober 2016 mencatat kejayaan 100% dengan membawa pulang dua pingat emas dan dua pingat perak.

35. Penyertaan UMP dalam *The British Invention Show* (BIS) di London, United Kingdom pada 19 hingga 22 Oktober 2016 pula turut mencatatkan pencapaian 100% dengan kutipan 4 pingat emas, 4 pingat perak, 2 pingat gangsa dan 4 anugerah khas.

36. Penyertaan UMP dalam *The 27th International Invention & Innovation Exhibition* (ITEX) di Kuala Lumpur pada 14 hingga 14 Mei 2016 yang lalu juga mencatatkan kejayaan besar dengan kutipan 13 pingat emas, tujuh pingat perak dan dua pingat gangsa. Malah, produk PISOPTERA hasil inovasi Encik Abdul Syukor Abd Razak dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam turut memenangi Anugerah Khas *Malaysia Innovative Products* (MIPA) dalam pertandingan tersebut.

37. Selain itu, penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh para mahasiswa turut memberikan sumbangan yang cemerlang kepada kejayaan UMP. Antara yang membanggakan ialah kejayaan penyelidik mahasiswa daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli yang berjaya memenangi *WIPPA Grand Award* melalui kajiannya mengenai tindak balas metana dan karbon dioksida menggunakan pemangkin dengan bahan sokongan buah kelapa sawit dalam Kaohsiung International Invention and Design EXPO (KIDE) di Taiwan pada 4 hingga 5 Disember 2015.

38. Sementara itu, Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli telah menerima pengiktirafan berprestij Anugerah Gold Class II daripada Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) pada 5 Ogos 2016 yang lalu berikutan pencapaiannya dalam prestasi cemerlangnya dalam pemeliharaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN MAHASISWA

39. Ampun Tuanku beribu ampun,
Sembah patik mohon diampun;

Realiti ekonomi semasa yang mencabar dan dasar penjimatan oleh kerajaan telah membuka ruang kepada UMP untuk terus mengembangkan inisiatif *MyGift* sebagai sumber kewangan alternatif bagi mengurangkan kebergantungan kewangan Universiti ini kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan semata-mata. Melalui inisiatif pengumpulan dan usaha kutipan berjumlah RM13 juta sejak pelancaran rasminya pada 1 Oktober 2016 yang lalu, maka kini sumber *MyGift* dapat disalurkan kepada penerima manfaat, khususnya dari kalangan mahasiswa UMP sendiri.

40. Ini termasuklah pembiayaan berjumlah RM100 ribu kepada kumpulan penerima sulung biasiswa *Mygift* dan Skim Bantuan Insentif Pendidikan bernilai RM1,000 bagi mahasiswa yang layak bermula Sesi Kemasukan 2016/2017.

41. Adalah menjadi keutamaan khusus bagi pihak dan pihak pengurusan untuk memastikan mahasiswa UMP menerima pengalaman kampus yang terbaik sepanjang pengajian mereka di sini. Selain daripada pencapaian akademik, tumpuan turut diberikan untuk meningkatkan daya saing dan kesejahteraan mahasiswa melalui aktiviti ko-kurikulum dan prasarana yang berkualiti.

42. Tumpuan sedemikian pastinya akan merangsang motivasi mahasiswa untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada Universiti ini. Dalam lapangan pengucapan awam umpamanya, mahasiswa UMP dari negara Iraq iaitu Anas Mohamad Husain Kasim telah mengharumkan nama Universiti ini apabila berjaya meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri pada 26 Mac 2016 yang lalu.

43. Dalam aspek unit beruniform pula, sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Tuanku bahawa dengan UMP kini merupakan antara beberapa universiti dari kelompok Universiti Awam yang memiliki Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang lengkap dengan cawangan PALAPES Laut, Udara dan Darat.

44. Selain itu, sebuah kompleks asrama asnaf bernilai RM 4.5 juta bagi manfaat mahasiswa akan dibangunkan tidak lama lagi hasil rundingan antara UMP dan Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) baru-baru ini.

ALU-ALUAN KEPADA DIF-DIF DAN SEMBAH PENUTUP

45. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun;

Sebelum mengakhiri persembahan ucapan ini, patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bagi patik merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada para tetamu dan dif dari dalam dan luar negara yang turut hadir ke Majlis Konvokesyen Ke-11 UMP ini:

- Yang Amat Mulia Kerabat-Kerabat Bergelar,
Yang Mulia Kerabat-kerabat dan Ahli-ahli Jumaah Pangkuan Diraja;
- Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Diraja;
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang;

- Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;
- Yang Hormat Pengerusi Lembaga Pengarah UMP dan Yang Berbahagia Datin Sri;
- Naib-naib Canselor Universiti Awam dan Ketua-ketua Eksekutif institusi pendidikan tinggi;
- Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri;
- Pegawai-pegawai perwakilan diplomatik asing di Malaysia;
- Ketua-ketua Eksekutif swasta dan industri;
- Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri;
- Yang Hormat Dato'-Dato' dan Datin-Datin;
- Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

46. Syabas dan tahniah diucapkan atas kejayaan cemerlang graduan sekalian. Tahniah juga diucapkan kepada para ibu bapa, guru dan pensyarah atas khidmat mulia yang diberikan sehingga menghasilkan kejayaan cemerlang para graduan Majlis Konvokesyen UMP Ke-11 ini.
47. Sekianlah saja persembahan ucapan patik. Patik merakak sembah memohon ampun dan maaf jika terdapat kecacatan dalam majlis ini.
48. Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah Taala moga-moga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang; Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom; Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang; Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang; Yang Amat Mulia Paduka-paduka Anakanda Putera dan Puteri serta Yang Mulia Paduka-paduka Cucunda Putera dan Puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sentiasa di dalam aman sentosa, sihat wal'afiat serta dilanjutkan usia.
Amin.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,

Sembah patik mohon Diampun;

Wabillahi taufiq walhidayah,

wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.